

**UCAPUTAMA OLEH**

**YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB, PERDANA MENTERI  
MALAYSIA PADA  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-76  
GABUNGAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN  
CINA MALAYSIA (ACCCIM)**

**GRAND BALLROOM, LEVEL 11,  
HATTEN HOTEL, MELAKA**

**25 JUN 2022**

Selamat Pagi dan Salam Keluarga Malaysia

YBhg. Tan Sri Dato' Low Kian Chuan,  
Presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia  
(ACCCIM)  
merangkap Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan  
Malaysia (NCCIM)

Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong,  
Menteri Pengangkutan Malaysia

Yang Berhormat Senator Datuk Lim Ban Hong,  
Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Yang Berhormat Tuan Ngwe Hee Sem,  
Exco Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal  
Pengguna, Melaka  
Dif-dif Jemputan

Ahli-ahli ACCCIM,

Rakan-rakan Media,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi,

1. Terlebih dahulu, saya berasa syukur dan terima kasih atas penghormatan yang diberikan oleh ACCCIM bagi bersama anda pada Mesyuarat Agung Tahunan Ke-76 ini.
2. Saya dimaklumkan bahawa Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Melaka (MCCCI) juga meraikan perasmian bangunan baru yang disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri kelmarin, sebagai lebaran baru sejak penubuhannya yang menjangkau usia 110 tahun. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Presiden MCCCI yang dahulu dan sekarang serta ahli-ahli anda kerana telah mencapai suatu kejayaan yang begitu membanggakan.
3. Negara kita kini berada dalam fasa peralihan endemik. Pembukaan semula sempadan sejak April yang lepas, sudah pasti telah meningkatkan sentimen pengguna dan keyakinan perniagaan; aktiviti ekonomi dan perniagaan telah mendapat semula momentum, walaupun masih terdapat beberapa sektor seperti industri pelancongan dan penerbangan, yang perlu mengambil masa yang lebih lama untuk kembali pulih.
4. Hasil daripada perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi, ekonomi

Malaysia terus berada dalam landasan yang tepat dengan mencapai perkembangan sebanyak 5.0% pada suku pertama 2022. Pada bulan Mei, eksport negara terus mencatatkan pertumbuhan dua angka bagi bulan ke-10 secara berturut-turut dengan peningkatan sebanyak 30.5%, dan nilai eksport bulanan yang amat tinggi iaitu sebanyak RM120.5 bilion.

Hadirin sekalian,

5. Kerajaan melalui pelbagai Kementerian dan Bank Negara Malaysia sentiasa memantau dengan teliti keadaan ekonomi, perniagaan dan pasaran kewangan dalam negara. Ini penting bagi memastikan haluan pemulihan ekonomi tidak akan terjejas akibat ketidaktentuan luaran dan cabaran domestik.
6. Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) sentiasa berinteraksi dengan pemain industri dan penganalisis pasaran bagi mengikuti perkembangan terkini yang akan memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada keadaan ekonomi domestik.
7. Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang saya pengerusikan berperanan mendapatkan gambaran yang jelas mengenai isu kenaikan harga dan keadaan pasaran daripada Kementerian yang berkaitan. Selain itu, mesyuarat ini adalah salah satu platform Kerajaan dalam memantau keseluruhan bekalan dan permintaan barang makanan utama.

8. Kerajaan telah mengumumkan langkah dan inisiatif untuk menangani isu kekurangan bekalan makanan, terutamanya bekalan ayam dan mekanisma penstabilan harga. Antara inisiatif Kerajaan termasuklah penghapusan Permit Import, pengagihan imbangan stok ayam dari satu negeri ke negeri lain untuk memastikan bekalan kepada rakyat tidak terjejas.
9. EAC juga secara proaktif mengambil tindakan untuk menangani isu keselamatan makanan serta isu ekonomi dan perniagaan yang menjadi kebimbangan segera kepada komuniti perniagaan. Kerajaan menghargai sumbangan berharga sektor swasta yang diwakili oleh Presiden ACCCIM, Tan Sri Dato' Low dalam pasukan EAC, dengan mengemukakan isu-isu yang dihadapi dan mencadangkan cara penyelesaian untuk membantu masalah seperti ketersediaan tanah ladang dan Pajak Tanah Sementara (TOL) yang perlu diteliti oleh Kerajaan.
10. Kita semua sedia maklum bahawa beberapa sektor utama mengalami masalah kekurangan tenaga pekerja. Isu kekurangan pekerja asing sedang ditangani oleh Kementerian Sumber Manusia, dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah meluluskan kira-kira 266,000 orang pekerja asing. Kerajaan komited untuk bersama-sama pihak swasta dalam menangani isu kekurangan pekerja ini untuk menyokong pemulihan sektor perniagaan. Saya telah meminta proses kelulusan permohonan pekerja asing disegerakan supaya tidak menjejaskan pemulihan ekonomi, yang boleh menyebabkan kerugian berbilion-bilion Ringgit kepada industri dan Kerajaan.

11. Bagi rancangan masa panjang, Kerajaan akan bekerjasama dengan komuniti perniagaan untuk mengurangkan kebergantungan yang berlebihan kepada pekerja asing melalui penggunaan teknologi dan automasi serta meningkatkan kemahiran tenaga kerja peringkat domestik.
12. Saya menggesa semua industri, termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mengambil peluang pelbagai kemudahan kewangan dan dana serta geran yang disediakan oleh pelbagai agensi Kerajaan untuk menyokong automasi dan pendigitalan ke arah mencapai Industri 4.0.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

13. Masa itu emas. Dengan cabaran luar yang boleh menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia, strategi Kerajaan dalam penyediaan Bajet 2023 akan tetap berfokus pada pengukuhan pemulihan ekonomi, menyokong permintaan dalam negara, memulihkan pelaburan swasta serta menguruskan isu inflasi.
14. Sikap terbuka untuk menerima pembaharuan dalam semua aspek adalah penting untuk mengukuhkan daya saing Malaysia terhadap sebarang kejutan masa depan. Kita perlu meletakkan negara kita supaya relevan dan berdaya saing dalam menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi.
15. Konsep Keluarga Malaysia mengajak rakyat Malaysia untuk

mengetepikan perbezaan masing-masing bagi menggembeleng tenaga untuk menghadapi sebarang cabaran sebagai sebuah keluarga. Keterangkuman yang merentasi batasan agama, kaum dan etnik, adalah penting dalam usaha kita memulihkan ekonomi negara selepas pandemik ini. Saya percaya apabila rakyat sekalian mempunyai persamaan, ia akan menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia dalam mencapai kemakmuran ekonomi dan kestabilan politik.

Hadirin sekalian,

16. Saya menyeru sektor swasta dan komuniti perniagaan untuk bekerjasama dengan sektor awam dalam mengurus dan mengatasi pelbagai cabaran ini. Kerajaan sentiasa mengalu-alukan penglibatan komuniti perniagaan untuk menghasilkan idea yang membina dan cara penyelesaian yang boleh dilaksanakan, supaya perkembangan ekonomi dan perniagaan yang mampan.
17. Kerajaan terus komited untuk meningkatkan iklim pelaburan yang mesra perniagaan dan kondusif. Dasar ekonomi, perniagaan, pelaburan dan kewangan yang lebih baik akan memberi dorongan kepada sektor swasta untuk meningkatkan daya saing, meningkatkan pelaburan domestik dan meningkatkan kapasiti produktiviti.
18. Berikutan pembentangan kertas kerja EAC mengenai Pelaburan Langsung Domestik oleh NCCIM pada 25 April, saya telah mengarahkan Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Kewangan untuk mengkaji

semula masalah birokrasi dan mempertimbangkan cadangan untuk meringankan proses kawal selia dan pematuhan serta mengukuhkan penyampaian perkhidmatan awam untuk perniagaan.

19. Saya telah meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mempertingkatkan peranan Unit Pusat Sehati (OSC) di peringkat Persekutuan dan Negeri, bagi memudahkan perniagaan, mengurangkan masa dan kos, memudahkan prosedur, permit dan lesen, menghapuskan pertindihan yang boleh dielakkan.
20. EAC juga telah memutuskan untuk memperkukuhkan inisiatif #MyMUDAH di semua kementerian dan agensi kerajaan. Unit MyMUDAH akan ditubuh di peringkat Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Persatuan Perniagaan untuk memudahkan urusan perniagaan secara holistik di seluruh negara. Saya amat gembira bahawa ACCCIM telah menubuhkan unit MyMUDAH untuk menyelaraskan semua isu perniagaan yang dihadapi oleh ahli-ahli persatuan.

Para hadirin yang dihormati,

21. Malaysia memerlukan pelaburan yang kukuh dan berkualiti untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan meningkatkan pengeksportan produk nilai tambah. Sehubungan itu, Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) telah dirangka untuk merancakkan pelaburan di Malaysia. Transformasi dasar pelaburan akan merangkumi pelbagai elemen seperti insentif,

pemudahcaraan, kepakaran, infrastuktur serta perundangan, kawal selia dan prosedur.

22. Sementara kita sedang menarik pelabur asing (FDI), pelaburan domestik (DDI) terutamanya PKS juga perlu memainkan peranan yang penting. Ini penting bagi mengukuhkan asas perindustrian dengan meningkatkan keupayaan industri domestik.

Para hadirin yang dikasihi,

23. Saya ingin menceritakan sedikit tentang kepentingan Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan pertumbuhan hijau, suatu *megatrend* yang akan mengubah dunia dalam dekad yang akan datang. ESG telah menjadi fenomena yang meluas dan melibatkan setiap negara dan industri. Ia telah menarik perhatian penggubal dasar dan bertindak untuk menuju ke arah ekosistem yang lebih hijau.
24. Selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12, Malaysia telah mengumumkan komitmen untuk mencapai pelepasan GHG sifar bersih seawal-awalnya pada tahun 2050.
25. Ancaman perubahan iklim adalah cabaran yang sukar diatasi. Kedua-dua sektor awam dan swasta harus bertindak sekarang untuk mencegah, mengurang dan menyesuaikan diri dengan perubahan iklim.
26. Sementara kerajaan sedang melabur dalam infrastruktur hijau serta menyediakan insentif penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan harga



karbon, peniaga boleh menyumbangkan kepada inovasi, amalan perniagaan hijau untuk mencegah, mengurangkan dan menyesuaikan diri dengan perubahan iklim.

Hadirin sekalian,

27. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) atas dedikasi dan kerja-kerja yang menyumbang kepada pembangunan perniagaan dan sosio-ekonomi negara.
28. Saya percaya ACCCIM akan terus menerajui dan menjadi dorongan dalam kalangan ahli gabungannya di seluruh negara. Kerjasama ACCCIM dengan rakan kongsi dalam bidang perniagaan bukan sahaja akan membantu dalam peningkatan ekonomi negara, malahan juga untuk membuat yang terbaik demi Keluarga Malaysia.
29. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin menegaskan bahawa kerajaan akan terus melakukan transformasi bagi memastikan kestabilan dan persekitaran perniagaan yang kondusif. Bersamalah kita membina negara yang makmur dan sejahtera demi Keluarga Malaysia.
30. Selamat maju jaya saya ucapkan kepada ACCCIM dan dengan ini sukacita saya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan ACCCIM ke-76.

Sekian, terima kasih!

TAMAT